PROFIL STAIL BELAJAR MURID-MURID SEKOLAH RENDAH PELBAGAI PENCAPAIAN

Marhaini A.Rahman

ABSTRAK

Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan profil stail belajar murid-murid sekolah rendah berdasarkan perbezaan pencapaian mereka antara kelas terbaik, sederhana dan lemah. Stail belajar memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran. Pelbagai cara yang boleh digunakan untuk belajar, namun kadang kala proses pembelajaran dan pengajaran tidak bersesuaian dengan murid-murid menyebabkan murid-murid kurang berminat untuk belajar. Di samping itu kajian ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan pencapaian antara jantina serta demografi murid berdasarkan status sosio ekonomi mereka. Dapatan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan stail belajar antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Stail belajar yang dimiliki oleh murid-murid dapat membantu mereka mengenalpasti situasi pembelajaran dan seterusnya mempertingkatkan prestasi mereka. Murid-murid yang tahu menggunakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan dirinya akan lebih mudah membantu mereka mencapai keputusan yang lebih cemerlang. Oleh itu diharapkan kertas konsep ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak khususnya dalam kalangan pendidik untuk merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan berdasarkan stail belajar murid-murid.

Pengenalan

Setiap murid mempunyai pelbagai cara untuk belajar. Menurut Atkins et al. (2001) setiap individu bertindak balas dengan cara yang berlainan kepada semua situasi pembelajaran. Tindak balas ini akan dipengaruhi oleh cara bagaimana individu itu berfikir, pengalaman lepas, kehendak persekitaran dan tugasan terkini. Tindak balas inilah yang dikenal pasti sebagai stail pembelajaran individu. Stail pembelajaran juga merupakan faktor penting dalam pencapaian akademik pelajar (Witkin, 1976).

Kertas konsep ini akan membincangkan beberapa perkara berkenaan dengan stail belajar murid-murid sekolah rendah berdasarkan perbezaan pencapaian mereka antara kelas terbaik, sederhana dan lemah. Di samping itu, kertas ini juga bertujuan untuk melihat perbezaan pencapaian antara jantina serta demografi murid berdasarkan status sosio ekonomi mereka.

Menurut Mohd Noor Badlilshah (2007) setiap individu mempunyai kekuatan serta kecenderungan yang unik untuk memahami dan memproses maklumat. Dengan kata lain, setiap individu mempunyai stail pembelajaran yang tersendiri. Stail pembelajaran ditakrifkan sebagai cara unik yang digunakan oleh individu untuk mengambil, memproses, memahami dan mempersepsi maklumat. Stail belajar juga boleh dikaitkan dengan gaya kognitif. Ada individu yang cenderung untuk belajar maklumat yang konkrit seperti fakta dan data eksperimen, manakala ada yang cenderung untuk belajar maklumat yang abstrak seperti teori, konsep, simbolik dan model matematik. Sebilangan besar pelajar lebih suka sekiranya maklumat dipaparkan secara visual seperti carta alir, gambar rajah dan skema. Ada juga yang lebih gemar sekiranya maklumat diberikan dalam bentuk verbal seperti kuliah.

Stail pembelajaran boleh membantu institusi pendidikan sama ada rendah atau tinggi supaya lebih sensitif kepada perbezaan yang dibawa oleh pelajar ke dalam bilik darjah. Maklumat ini juga berguna sebagai panduan dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang berpadanan atau tidak berpadanan dengan gaya belajar dan ini bergantung kepada objektif pengajaran guru. Guru yang mampu mengenal pasti gaya pembelajaran seseorang pelajar dan kemudiannya menyediakan pengajaran yang konsisten

Fakulti Pendidikan UKM
FKIP Universitas Riau

dengan gaya pembelajaran tersebut akan menyumbang kepada pembelajaran yang lebih berkesan (Claxton dan Murell, 1988).

Memandangkan tidak semua pelajar belajar dengan cara yang sama, adalah perlu bagi guru mengenal pasti perbezaan dalam gaya pembelajaran pelajar mereka dan mengajar dalam cara yang semua gaya pembelajaran diambil kira (Raven, 1993). Oleh itu, guru yang melayan setiap pelajar di dalam bilik darjah dengan cara yang sama adalah tidak menepati stail pembelajaran pelajar mereka.

Konsep Stail Belajar

Stail belajar merupakan cara bagaimana seseorang itu belajar. Pembelajaran merupakan kebolehan seseorang mengambil maklumat, mengkod dan menfailkan maklumat tersebut supaya ianya mudah untuk digunakan apabila diperlukan. Stail belajar tidak berkait dengan kecerdasan atau apakah kemahiran yang telah dipelajari tetapi stail belajar berkait rapat dengan bagaimana minda kita bekerja dengan berkesan terhadap pembelajaran maklumat baru. Stail belajar seseorang itu telah wujud dalam diri seseorang sejak dilahirkan (Nazamud-din Alias, 2005).

Dunn (2000) menyatakan stail belajar adalah bagaimana seseorang itu mula memberi perhatian, memproses dan menyimpan maklumat yang baru dan sukar. Manakala munurut Zubaidah (2007) stail belajar seseorang merujuk kepada stail atau cara pembelajarannya. Ia merupakan cara interaksi individu dengan sistem maklumat atau rangsangan dan memproses serta menganalisa maklumat tersebut di dalam otak untuk dijadikan pengetahuan. Manakala menurut Mok Soon Sang (2001) stail belajar ialah cara seseorang pelajar memberi tumpuan dan tindakan untuk memproses dan memperolehi maklumat, ilmu atau pengalaman yang baru.

Stail belajar berbeza antara satu sama lain. Terdapat berbagai jenis stail belajar yang dikesan dalam kalangan murid misalnya ada murid yang belajar sambil mendengar radio, menonton tv, melukis, menyanyi, menari, bertengkar, berdebat, berjalan, bermain, memasak, perlu guru disisi, perlu kawan, perlu objek, dalam bentuk cerita, dalam suasana ketawa dan pelbagai jenis lagi stail belajar. Dalam erti kata yang lain, kepelbagaian dalam stail belajar dalam kalangan murid menunjukkan keunikan setiap individu (Dunn dan Dunn dalam Abd Aziz Ismail, 2001).

Menurut Abd.Aziz Ismail (2001) apabila stail belajar yang pelbagai jenis dapat difahami dan dikesan oleh para guru, ibu bapa dan murid sendiri, sudah pasti ianya akan dapat dimanfaatkan dalam mengurangkan konflik yang mengganggu proses pembelajaran. Sebagai contohnya, konflik dalam pembelajaran sering berlaku apabila ibu bapa memaksa anak-anak mereka belajar dengan duduk di kerusi dan menulis atau membaca di atas meja. Sebaliknya anak-anak mereka tetap mahu belajar atau membuat kerja sekolah di hadapan televisyen. Bila situasi dan kondisi ini berada dalam konflik, proses pembelajaran tidak akan berlaku di kalangan anak-anak mereka. Anak-anak ini akhirnya akan hilang minat untuk terus belajar. Oleh itu beliau mencadangkan agar para guru, ibu bapa dan murid-murid memahami stail belajar dan menganggap perbezaan yang ada pada diri seseorang murid merupakan satu keistimewaan yang dapat digunakan secara efektif dalam pembelajaran mereka.

Model-Model Stail Belajar

Stail pembelajaran merupakan satu set ciri-ciri peribadi yang mempengaruhi bagaimana seseorang murid itu menerima, mengumpul dan memproses maklumat. Di dalam bilik darjah, murid-murid mempunyai stail pembelajaran yang berbeza. Terdapat beberapa model yang berkaitan dengan stail belajar. Di antaranya ialah Model Gaya Pembelajaran Dunn & Dunn (1978) memfokuskan kepada 22 elemen yang mempengaruhi kebolehan belajar seseorang murid. Kesemua 22 elemen itu dapat diklasifikasikan kepada 5 kategori, iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal.

Model Stail Pembelajaran Dunn & Dunn berasaskan prinsip-prinsip berikut : 1) Kebanyakan individu mampu dan boleh belajar. 2) Setiap individu mempunyai stail pembelajaran tertentu. 3) Stail pembelajaran individu bertindak balas dengan iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran.

4) Melalui iklim, sumber dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan stail pembelajaran, seseorang murid dapat mengoptimumkan proses pembelajarannya.

Dunn dan Dunn (1978) mengkategorikan stail belajar kepada 5 bahagian iaitu persekitaran, emosional, sosiologikal, fizikal dan psikologikal. Antara elemen-elemen stail belajar yang dikenal pasti itu ialah 1) persekitaran: bunyi, cahaya, suhu dan reka bentuk 2) emosional: motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur 3) sosiologikal: rakan sebaya, kendiri, pasangan, berkumpulan, dewasa dan pelbagai 4) fizikal : persepsi indera, makan minum, masa dan mobiliti 5) psikologikal : analitik, global, otak kiri/kanan, refleksi diri dan desakan.

Persekitaran

i. Cahaya

Dunn dan Dunn mendapati cahaya memberikan kesan yang berbeza pada individu dan terdapat pelajar sangat sensitif terhadap cahaya. Kajian Dunn dan Dunn (1978) mendapati terdapat individu yang memerlukan persekitaran cahaya terang semasa belajar. Menurut Siti Hawa Munji (1989) terdapat sebilangan pelajar yang gemar cahaya terang kerana cahaya yang samar akan membuatkan mata cepat letih dan mengantuk. Tetapi ada juga pelajar yang tidak suka sinaran cahaya yang terlalu terang.

ii. Bunyi

Menurut kajian Dunn dan Dunn (1978) terdapat individu yang memerlukan bunyi seperti muzik semasa mereka belajar. Mereka akan memasang radio atau televisyen sewaktu belajar terutama ketika larut malam. Bunyi daripada radio atau televisyen akan dapat mengatasi suasana sunyi dan dapat memberikan lebih konsentrasi terhadap pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun bagi mereka yang suka belajar dalam suasana sunyi lebih gemar belajar bersendirian berbanding secara kumpulan kerana perbincangan yang berlaku dalam kumpulan akan mengganggu konsentrasi mereka.

iii. Suhu

Menurut Dunn dan Dunn (1978) setiap individu mempunyai tindak balas yang berbeza terhadap suhu persekitaran. Proses pembelajaran adalah lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dalam suasana nyaman dan berhawa dingin. Suhu yang panas akan menyebabkan fikiran dan emosi seseorang terganggu dan cepat rasa mengantuk . Namun begitu ada pelajar tidak dapat menumpukan perhatian dalam suasana yang sejuk hawa dingin.

iv. Rekabentuk

Berdasarkan kajian Garger (1985), stail belajar seseorang individu ditentukan oleh personality individu yang berbeza. Murid-murid yang gemar belajar dalam keadaan formal memerlukan satu tempat yang khas untuk aktiviti pembelajaran mereka seperti sebuah meja dan kerusi. Golongan murid yang gemarkan keadan formal amat berstruktur dan mempunyai personality introvert. Bagi murid yang suka belajar ditempat informal misalnya di atas katil, sofa atau lantai, mereka dikaitkan mempunyai personality ekstrovert. Pelajar perlu tahu memilih tempat pembelajaran yang sesuai dan selesa untuk mereka memberikan konsentrasi terhadap pelajaran.

Emosional

Terdiri daripada elemen-elemen seperti motivasi, kecekalan, tanggungjawab dan struktur.

i. Motivasi

Menurut Siti Hawa Munji (1990) motivasi ialah daya penggerak utama yang menjamin kejayaan seseorang dengan kecenderungan menyeluruh untuk bertindak pada masa tertentu. Apabila seseorang mendapat dorongan, dia akan mempunyai keinginan yang kuat untuk bertindak kea rah mencapai matlamat. Bagi pelajar yang memerlukan motivasi ekstrinsik, mereka selalu didesak atau digalakkan supaya bertindak untuk mendapatkan ganjaran. Dalam pembelajaran, insentif diberikan dalam bentuk markah, gred, hadiah dan kedudukan dalam kelas. Pada akhir peringkat pembelajaran, keputusan peperiksaan yang baik, sijil dan surat akuan

merupakan insentif yang mendorong pelajar supaya lebih berusaha dengan lebih tekun. Motivasi intrinsik juga penting untuk pelajar bagi memberikan dorongan dalaman kepada mereka untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran. Dorongan dalaman ini adalah keperluan, minat, sikap dan emosi semulajadi ataupun berpandukan pengalaman serta kehendak persekitaran. Apabila pelajar sukar memahami dan memperolehi pengetahuan dalam sesuatu pengajaran, pelajar mudah kehilangan minat dan kurang memberi tumpuan.

ii. Kecekalan

Kecekalan penumpuan yang tinggi bagi seseorang individu dapat membantu murid belajar dalam tempoh masa yang panjang. Tahap kecekalan yang berbeza antara individu menyebabkan mereka memerlukan waktu dan tempoh masa rehat yang berbeza. Ada segelintir murid hilang minat serta bosan terhadap kerja kerana mereka hanya mampu menumpukan perhatian dalam kangka masa yang pendek sahaja. Ramai murid mempunyai sikap suka menangguhkan kerja terutama apabila tugasan yang diberikan itu membosankan, sukar serta memerlukan usaha yang lama untuk menyiapkannya.

iii. Tanggungjawab

Menurut Dunn dan Dunn (1978) murid yang mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap pelajarannya akan sentiasa melaksanakan tugasannya dengan inisiatif sendiri. Namun begitu terdapat juga murid yang mengabaikan dan tidak akan menyiapkan kerja dengan baik.

iv. Struktur

Arahan yang jelas dan berstruktur mendorong murid untuk belajar dengan lebih berkesan, namun begitu terdapat juga murid yang suka belajar dengan gaya bebas. Dunn dan Dunn (1978) mendefinisikan srtuktur sebagai suatu peraturan spesifik yang digunakan untuk melaksanakan kerja dan menyiapkan tugasan. Pelbagai jenis struktur yang berbeza diambil oleh murid bergantung kepada cara belajar setiap individu dan kebolehannya membuat keputusan.

Sosiologi

Terdiri daripada elemen-elemen seperti sendiri, berpasangan, berkelompok atau dengan rakan sebaya atau orang dewasa. Dunn dan Dunn (1978) menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara terus oleh guru kepada murid.

i. Diri sendiri

Terdapat individu yang lebih suka belajar bersendirian dan tidak mahu gangguan sewaktu mereka belajar. Mereka lebih selesa bersendirian berbanding belajar bersama rakan sebaya kerana kurang gemar membuang masa untuk bercakap sesama rakan menyebabkan tidak dapat menumpukan terhadap pelajaran.

ii. Berpasangan

Individu yang belajar secara berpasangan adalah individu yang lebih suka belajar dengan kehadiran individu rapat bersamanya. Pasangannya adalah teman paling karib dan mereka dapat berinteraksi secara dua hala apabila bersama.

iii. Rakan Sebaya

Pembelajaran dalam bentuk kumpulan yang pada kebiasaannya melibatkan lebih daripada dua orang rakan sebaya yang banyak melibatkan perbincangan, sumbangsaran dan perkongsian idea-idea tentang cara pembelajaran yang berkesan.

iv. Orang Dewasa

Orang dewasa menjadi tempat untuk mereka menyoal atau mengemukakan soalan apabila menghadapi sesuatu masalah pembelajaran. Bagi murid yang kurang selesa belajar dengan murid yang sebaya dengannya, mereka lebih selesa belajar bersama guru atau orang dewasa.

Fizikal

Rangsangan fizikal terdiri daripada elemen-elemen seperti persepsi, makanan, minuman, waktu belajar dan pergerakan.

i. Persepsi Pancaindera

Menurut Dunn dan Dunn (1982) murid biasanya memperolehi maklumat atau pengalaman melalui persepsi visual, auditori, taktual dan kinestetik. Sekiranya seseorang murid mempunyai persepsi visual yang tajam, dia akan suka belajar dengan alat bantu mengajar seperti carta, gambar, graf, gamba rajah, slaid, video, televisyen, computer dan sebagainya. Sekiranya seseorang murid mempunyai persepsi auditori, dia akan suka belajar melalui pengeluaran bunyi seperti siaran muzik dari radio atau kaset. Ini akan membantu mereka mengingat. Kaedah belajar taktual adalah pembelajaran melalui sentuhan kerana penterjemahan serta penggabungan pembelajaran tidak akan berlaku tanpa menyentuh bahan yang ingin dipelajari. Pembelajaran menggunakan kaedah kinestetik pula adalah pembelajaran melalui melakukan aktiviti fizikal dan gerak kerja.

v. Makanan dan minuman

Terdapat individu belajar dengan lebih berkesan sekiranya mereka makan dan minum semasa belajar. Selain itu, tekanan ketika belajar dapat dikurangkan melalui makan dan minum. Manakala terdapat murid yang kurang gemar makan sewaktu belajar tetapi akan makan selepas belajar kerana bagi mereka makan dan minum akan mengurangkan daya tumpuannya semasa menjalankan aktiviti pembelajaran.

vi. Waktu/Tempoh Belajar

Waktu belajar memainkan peranan membantu pelajar sama ada berasa lebih segar apabila belajar di waktu pagi atau gemarkan persekitaran yang sunyi dan tenteram di waktu malam untuk mendapat proses pembelajaran berkesan. Kepentingan waktu perdana mampu menyelesaikan tugas yang diberi. Waktu perdana sangat penting kerana ketika itulah murid akan belajar dengan paling berkesan (Dunn dan Dunn, 1978).

vii. Pergerakan/Mobiliti

Terdapat murid yang gemar beralih tempat duduk sekiranya belajar untuk jangka masa yang lama. Mereka perlu melakukan sedikit pergerakan dalam proses pembelajaran tersebut contohnya bergerak untuk mendapatkan makanan, minuman, berpindah ke tempat lain bagi meneruskan pembelajaran dan sebagainya (Dunn dan Dunn, 1978). Dalam proses pembelajaran waktu rehat satu kemestian bagi setiap murid.

Psikologi

Rangsangan psikologi terdiri daripada elemen-elemen berikut iaitu analitik/global, impulsive/reflektif, dominan otak kiri/dominan otak kanan.

i. Analitik/Global

Murid yang analitik melakukan tugasan secara terperinci dan lebih fokus dengan setiap aktiviti pembelajaran yang dilakukan. Mereka hanya melakukan satu perkara sahaja dalam satu masa. Berlainan pula dengan murid yang global kerana murid ini akan melihat sesuatu gambaran itu dengan lebih luas dan terbuka. Murid ini akan lebih cenderung untuk bekerjasama dalam bentuk berkumpulan berbanding secara individual. Mereka gemar melakukan banyak perkara dalam satu masa. Murid holistik melihat aspek secara meluas dan membuat rumusan secara menyeluruh.

ii. Impulsif/Reflektif

Individu yang impulsif gemar membuat keputusan yang cepat dan sering mengikut gerak hati apabila melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala individu yang

reflektif lebih berhati-hati semasa membuat kerja. Individu ini sangat prihatin dan berfikir mendalam sebelum melibatkan diri dalam proses pembelajaran.

iii. Dominan Otak Kiri / Dominan Otak Kanan

Otak manusia terbahagi kepada dua bahagian iaitu otak kiri (HOKI) dan otak kanan (HOKA). Fungsi otak yang berbeza ini mempengaruhi stail belajar setiap individu. Otak kiri manusia mengawal tindakan manusia daripada aspek bahasa, matematik, logic, sekuens, linear dan analisis. Manakala otak kanan pula berfungsi dalam aspek bentuk, ruang, lukisan, corak, holistik, rentak dan irama.

Model Dunn dan Dunn di atas menunjukkan individu mempunyai stail belajar yang berbeza berdasarkan kecenderungan belajar individu tersebut. Stail belajar individu didapati bertindak balas dengan pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran, sumber dan iklim yang disesuaikan dengan stail belajar seseorang dapat mengoptimumkan proses pembelajaran dan prestasi belajar individu.

Berdasarkan kajian Anuar Zaini et. al (2004) ke atas beberapa buah sekolah rendah di negeri Selangor mengenai stail belajar murid di sekolah rendah mendapati skor min visual adalah rendah (46.32) berbanding skor min Kinesthetic-Auditory (57.65). Ini mungkin disebabkan murid-murid sekolah rendah didedahkan dengan kaedah mendengar nota yang dibacakan oleh guru manakala murid menyalin nota tersebut.

Terdapat pelbagai model lain yang berkaitan dengan stail belajar antaranya Model Kolb (1984). Kolb membahagikan stail belajar kepada empat kategori iaitu imaginatif dan kreatif, teori analisis, praktik dan intuitif dinamik. Individu yang mengamalkan stail belajar secara imaginatif dan kreatif akan membuat pengamatan terhadap maklumat yang ada secara konkrit dan seterusnya memproses maklumat tersebut secara reflektif. Persoalan yang sering bermain di fikiran mereka ialah “mengapa?”. Individu ini suka mencari makna dan sebab-sebab mempelajari sesuatu maklumat itu. Mereka sukakan pelbagai aktiviti yang membolehkan mereka berinteraksi dan berkongsi idea-idea bersama orang lain.

Manakala bagi murid yang mempunyai stail belajar teori analisis pula sukakan persoalan mengenai ‘apa dia?’. Memperolehi maklumat secara abstrak dan maklumat itu diproses secara reflektif. Mereka suka mencari fakta-fakta untuk menjelaskan konsep-konsep dan membuat analisis tentang sesuatu maklumat.

Golongan murid jenis praktik pula suka mempersoalkan tentang ‘bagaimanakah ia berfungsi?’. Mereka ingin mengetahui kaedah atau cara-cara sesuatu benda berfungsi dan lebih suka membuat atau mencuba sendiri untuk menambahkan pengalamannya dalam mengendalikan pelbagai benda. Mereka mengamati maklumat secara abstrak dan memprosesnya secara aktif. Mereka gemar mencari kegunaan maklumat yang diperolehi dan belajar menguji teori untuk mengetahui kegunaannya.

Sementara pelajar jenis intuitif dinamik gemar menyoal kepada diri ‘apakah kegunaan baru yang boleh saya cipta?’. Mereka membuat pengamatan terhadap maklumat secara konkrit dan memprosesnya secara aktif. Mereka suka mencari perkara baru yang belum diketahui untuk memperolehi maklumat. Mereka cuba mencari sesuatu yang boleh direkabentuk berdasarkan maklumat baru dan suka berinteraksi dengan orang lain. Mereka belajar melalui kaedah cuba jaya dan inkuiri.

Perbezaan Stail Belajar Murid Kelas Terbaik, Sederhana dan Lemah

Setiap individu mempunyai stail belajar yang berbeza dan kadarnya berlainan dengan individu yang lain, walaupun umur mereka sama. Perbezaan individu adalah diertikan sebagai ketaksamaan dalam aspek perkembangan secara fizikal, mental, emosi dan sosial di kalangan individu. Mengikut Dictionary of Psychology (1973) dalam Santhi Suppiah (2000), perbezaan individu dihuraikan sebagai “variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan, sama ada sifat-sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkahlaku, sosial, bakat dan lain-lain aspek yang mungkin terdapat di kalangan individu dalam sesuatu kumpulan.

Pelajar-pelajar juga mempunyai stail pembelajaran yang berbeza-beza. Ada pelajar-pelajar yang suka melibatkan diri secara aktif, suka memerhati, gemar menggunakan prinsip dan teori. Ada yang lebih mementingkan hakikat yang sebenar. Semua ini merupakan masalah yang perlu dikenalpasti oleh guru-guru ketika proses pengajaran dan pembelajaran berjalan di dalam kelas supaya ianya berjalan dengan lancar dan segala perancangan pengajaran dapat dilakukan dengan baik. Guru juga boleh bersedia berhadapan dengan pelajar dan tahu cara apakah yang terbaik untuk mengajar pelajar-pelajar ketika di dalam kelas (Azizi Hj.Yahaya et al. 2003).

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang perbezaan stail belajar berdasarkan pencapaian pelajar. Di antaranya ialah Susabda (1992) yang mengkaji tentang stail belajar mengikut pencapaian awal pelajar. Hasil kajiannya mendapati pelajar cemerlang dan lemah mempunyai stail belajar yang berbeza. Misnan (1999) dalam kajiannya untuk melihat hubungan antara stail belajar dengan pencapaian dalam mata pelajaran bahasa Arab telah menggunakan Inventori Pembelajaran di Sekolah (Selmes 1987). Misnan telah mengubah suai inventori tersebut kepada empat stail belajar. Keempat-empat stail pembelajaran itu ialah stail hafalan, stail perbincangan, stail latihan dan stail motivasi. Sampel terdiri 200 pelajar Tingkatan 4 di enam buah sekolah di negeri Perak. Dapatan kajian mendapati stail belajar yang diamalkan oleh pelajar cemerlang adalah stail motivasi dan stail hafalan. Sementara pelajar lemah mengamalkan stail motivasi dan perbincangan semasa mempelajari Bahasa Arab.

Manakala dapatan kajian oleh Norihan (2001) mendapati tidak wujud perbezaan stail belajar antara pelajar pandai, sederhana dan lemah dalam matematik. Dapatan ini memberi implikasi bahawa kesan positif stail belajar adalah sama ke atas semua pelajar, walaupun mereka mempunyai keupayaan yang berbeza.

Selain dalam negara, kajian stail belajar juga banyak di luar negara. Geiser-William (1999) telah membuat kajian terhadap pelajar-pelajar pinggir bandar gred 18 Matematik. Beliau mendapati pelajar mengamalkan *learning-style-responsive* dalam strategi pembelajaran Matematik telah menunjukkan kesignifikan yang tinggi dalam pencapaian dan sikap mereka berbanding dengan pelajar yang menggunakan stail tradisional.

Manakala Collinson 2000, Gadt-Johnson & Price 2000 dan Reid 1987 mendapati wujud hubungan yang kuat antara stail belajar seseorang dengan pencapaian akademik. Kajian tersebut menjelaskan bahawa pelajar yang mencapai tahap akademik tinggi cenderung kepada stail belajar secara bermotivasi kendiri, bertanggungjawab, terarah kendiri dan menggunakan pendekatan belajar secara taktil daripada auditori. Pelajar yang mempunyai tahap pencapaian sederhana dan rendah cenderung kepada stail belajar secara berkumpulan dan memerlukan perhatian guru. Pelajar golongan ini mempunyai daya ingatan auditori yang lemah dan lebih cenderung kepada stail belajar secara visual iaitu melalui media gambar, lukisan, symbol, graf, komik dan kartun daripada membaca buku teks.

Perbezaan Stail Belajar Murid Lelaki dan Murid Perempuan

Stail belajar antara murid lelaki dan murid perempuan mempunyai perbezaan yang nyata. Sarimah Abd.Razak et al. (2007) telah menjalankan kajian tentang stail belajar pelajar di Sekolah Menengah Teknik. Walaupun semua pelajar dalam kajiannya mempunyai dan mengalami pengalaman pembelajaran, kandungan sukatan pelajaran, persekitaran pembelajaran dan kaedah pengajaran guru yang sama, wujud perbezaan dalam mengubah pengalaman ke dalam pengetahuan antara pelajar lelaki dan perempuan. Pelajar lelaki adalah lebih reflektif dan mereka belajar melalui proses penghayatan. Manakala pelajar perempuan lebih aktif dan lebih suka menyelesaikan tugas dan melihat hasil.

Ini turut diakui oleh Magolda (1989) pada peringkat awal sosialisasi, kanak-kanak perempuan adalah rapat dengan ibu mereka dan ini menyebabkan mereka lebih penyayang. Sejak kecil mereka telah didedahkan dengan peranan dan tugas sebagai isteri dan ibu seperti membersih dan mengurus rumah tangga. Pelajar lelaki pula lebih berdikari, *impersonal* dan logikal. Mereka lebih objektif dan berhati-hati

sebelum membuat pertimbangan dan keputusan. Mereka mempunyai pemikiran dan perasaan sendiri dalam memberikan pendapat.

Vafa (2002) telah menjalankan kajian ke atas pelajar University Houston menggunakan kaedah tinjauan secara atas talian *(online)* dengan menggunakan alat *Productivity Environmental Preference Survey* (PEPS). Tujuan kajian adalah untuk mengenalpasti kecenderungan stail belajar berdasarkan umur, jantina, tahap pengajian atau pengalaman bekerja. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar lelaki lebih cenderung untuk belajar menggunakan faktor pendengaran berbanding dengan pelajar perempuan.

Manakala Alumran (2008) telah melakukan kajian ke atas pelajar Universiti Bahraini bagi mengenalpasti kecenderungan stail belajar pelajar berdasarkan jantina. Hasil kajian mendapati terdapat kaitan yang signifikan di antara stail belajar berdasarkan jantina. Pelajar lelaki lebih cenderung kepada stail pembelajaran intuitif iaitu bersifat abstrak, inovatif serta berorentasikan teori dan makna yang tersirat. Manakala pelajar perempuan pula lebih menggemarkan pembelajaran secara sensor iaitu bersifat konkrit, praktikal serta berorientasikan fakta dan procedural.

Berdasarkan kajian Zalizan Mohd Jelas et al.(2006) terhadap stail belajar pelajar lelaki dan perempuan menunjukkaan bahawa pelajar perempuan lebih mengamalkan stail belajar yang bersifat *abstract, sequential* dan *concrete sequential*. Oleh itu besarnya bilangan guru perempuan dan stail pengajaran mereka yang komplemen dengan stail belajar pelajar perempuan menyebabkan pelajar perempuan memperolehi kelebihan secara kebetulan. Ini menyebabkan pelajar lelaki mengalami diskriminasi yang tidak disengajakan. Justeru itu guru perlu sedar tentang stail belajar antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Guru perlu mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya lebih sesuai dengan stail belajar pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Kajian yang dijalankan oleh Sadler-Smith (1996) menunjukkan terdapat perbezaan dalam stail belajar murid lelaki dan perempuan. Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan jantina, umur dan program belajar dalam pendekatan pembelajaran. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah *Revised Approaches to Studying Inventory (RASI)*. Hasil kajian ini mendapati pelajar lelaki mengamalkan stail mendalam berbanding pelajar perempuan yang lebih suka kepada gaya pembelajaran permukaan.

Trayer (1991) menunjukkan faktor jantina dan etnik mempengaruhi stail belajar pelajar. Beliau mendapati bahawa pelajar lelaki dan perempuan dari pelbagai etnik mempunyai stail belajar yang berbeza.

Kajian tentang stail belajar dengan jantina juga telah dijalankan oleh Watson (1997) terhadap 147 orang pelajar. Hasil kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan stail belajar mengikut jantina. Pelajar lelaki dan perempuan sama-sama cenderung kepada stail belajar konkrit dan kombinasi stail belajar konkrit dan abstrak.

Stail Belajar dan Status Sosio Ekonomi Murid

Menurut Coral, 1985 dalam Abd. Razak Ahmad, 1999 mendapati faktor-faktor persekitaran yang lebih baik dan lengkap serta tahap sosio ekonomi yang lebih tinggi berupaya mengekalkan pencapaian para pelajar dalam akademik.

Terdapat pelajar yang berada atau berkemampuan dari segi kewangan, tetapi tidak minat belajar dan kadangkala kita dapati pelajar yang hidup susah atau sederhana lebih cemerlang. Ini kerana pelajar yang sederhana dari segi ekonominya, mempunyai kesedaran di dalam diri mereka sendiri. Situasi ini menunjukkan walaupun ibu bapa tersebut mempunyai harta yang banyak, tetapi ia tidak menjamin kejayaan dalam mendidik anak dengan baik.

Dunn (1979) dalam menghuraikan pembelajaran sebagai satu strategi menyatakan bahawa kajian yang dilakukan semenjak abad yang lalu menunjukan bahawa stail belajar seseorang adalah berbeza diantara satu sama lain tanpa mengira umur, status sosio-ekonomi atau IQ. Sesetengah sifat belajar juga turut berubah apabila kanak-kanak membesar dan semakin matang, manakala sesetengah sifat kanak-kanak itu kekal tidak berubah dan sifat-sifat yang tidak berubah inilah yang membawa kesan kepada

pencapaian akademik kanak-kanak tersebut seperti yang dikatakan oleh Dunn (1984) dalam Azizi Hj. Yahaya et. al (2003).

Berdasarkan kajian Kara N. Swindell, B.S. 2009 menyatakan bahawa faktor sosio ekonomi sememangnya mempengaruhi stail belajar murid. Mereka mendapati bahawa murid yang berstatus sosio ekonomi sederhana menggemari stail belajar secara visual manakala murid yang berstatus sosio ekonomi rendah meminati stail belajar secara taktail.

Cadangan

Stail belajar yang sesuai dan berkesan jika diamalkan dapat membantu murid memperolehi pencapaian yang tinggi dalam setiap mata pelajaran. Hasil daripada pembacaan kajian lepas terdapat beberapa cadangan untuk meningkatkan stail belajar murid-murid. Antaranya ialah murid-murid dikehendaki sedaya upaya mengenalpasti stail belajar masing-masing melalui sesi temubual dengan pihak kaunselor sekolah atau Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolah masing-masing. Pelajar diberi pengetahuan tentang kepentingan stail belajar terhadap pembelajaran mereka (Azizi Hj. Yahaya et.al 2003) .

Kajian Mohd Noor Badlilshah (2007) mencadangkan agar murid-murid mengenalpasti dan diberi pengetahuan yang jelas tentang kepentingan stail belajar kerana cara yang sesuai dengan pembelajaran menyebabkan murid-murid lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik.

Daripada hasil kajian Azizi Hj.Yahaya (2003) beliau mencadangkan kajian lanjut perlu dijalankan untuk mengkaji stail belajar dengan mendapatkan perbezaan stail belajar di antara murid yang cemerlang dan murid lemah.

Manakala Norlia (2001) mencadangkan agar mengkaji dimensi yang baru berkaitan aspek stail pembelajaran. Ini sedikit sebanyak akan dapat memperkayakan pengetahuan dalam memahami stail pembelajaran dan seterusnya dapat memberikan panduan yang berguna kepada pelajar dan pengajar.

Mohd Safarin Nordin et al. (2005) pula mencadangkan agar guru mengadakan pelbagai jenis aktiviti yang akan memanfaatkan semua jenis stail belajar yang diamalkan oleh murid. Di samping itu guru juga boleh mengadakan aktiviti kumpulan yang terdiri daripada ahli kumpulan yang mempunyai setiap jenis stail belajar bagi setiap kumpulan. Guru juga boleh mendedahkan kepada murid-murid dengan kaedah mencari penyelesaian sendiri serta mencari penemuan-penemuan baru dan idea-idea yang hebat.

Kesimpulan

Secara umumnya**, s**etiap pelajar mempunyai stail belajar dan kemahiran belajar masing-masing. Guru, ibu bapa dan murid-murid itu sendiri perlulah memahami stail belajar yang diamalkan. Bagi murid-murid di sekolah rendah, guru-guru dan ibu bapa perlulah membantu dan membimbing mereka menggunakan stail belajar dengan betul. Ini boleh meningkatkan minat mereka terhadap pelajaran yang diajar.

Strategi dan stail belajar adalah penting dalam membantu murid untuk lebih cemerlang dalam proses pembelajaran. Stail belajar dapat mencungkil cara pemikiran yang berkesan supaya mendapat pencapaian akademik yang baik. Dunn (1978) mengesyorkan agar para guru, murid-murid dan ibu bapa memahami dan mengenal pasti stail belajar murid-murid. Sebagai seorang guru, mereka perlu mengganggap bahawa perbezaan yang ada pada diri seseorang murid itu merupakan satu keistimewaan dan dapat menggunakan keistimewaan mereka itu secara berkesan dalam proses pembelajaran mereka.

Rujukan

Abd. Aziz Ismail. 2001. Kajian gaya pembelajaran pelajar dengan pencapaian subjek Geografi di sekolah-sekolah menengah. Fakulti Pendidikan. UKM.

Abdul Razak Ahmad. 1999. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian mata pelajaran sejarah daripada segi jantina, etnik dan lokasi sekolah. Fakulti Pendidikan.UKM

Alumran, J.I.A. 2008. Learning Styles, teaching styles in relation to gender, field of study and academic achievement for Bahraini University Students. *Individual differences research.* 6 (2): 303-316

Atkins, H.,Moore, D., Sharpe, S. dan Hobbs, D. (2001). Learning style theory and computer mediated communication. *Ed Media*. Tampere: Finland.

Azizi Hj.Yahaya. Shareeza Abdul Karim dan Noordin Yahaya. 2003. Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di Tingkatan Empat Sekolah Menengah Teknik Negeri Sembilan. *National Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Puteri Pan-Pacific, Johor Bahru.*

Claxton, C.S. dan Murell, P.H. (1988). Learning Style. *ERIC Digest*. Washington DC: ERIC Clearinghouse on Higher Education. (ED 301-143).

Conllison, E. 2000. A survey of elementary students' learning style preferences and academic success. *Contemporary Education* (71): 42-47.

Dunn, R. & Dunn, K. 1980. What is your childs learning style? The newletter of parenting. 3(1):4-58.

Dunn, R. dan Dunn, K.(1992). *Teaching Elementary Students Through Their Individual Learning Styles-A Practical Approach for Grades 3-6.* Boston : Allyn and Bacon

Garger, S. dan Guild,P. (1984). Learning Style: The Crucial Differences. *Curiculum Review*, 23(1), 9-12

Gadt-Johnson, C.D. & Price, G.E. 2000. Comparing students with high and low preferences for tactile learning. Education (120): 581-586.

Geiser – William – F. 1999. Effects of learning style responsive versus traditional study strategies on achievement, study and attitudes of suburban eight grade Mathematics students. *Research in Middle Level Education Quarterly* 22: 19-41

Hamzan Omar. 2006. Perkaitan stail berfikir dan stail belajar dengan pencapaian dan daya saing pelajar MRSM. Tesis.UKM

Haynes, M.E.(1989). Make Every Minute Count, How To Manage Your Time Effectively. London: Crisp Publication

Kara N.Swindell, B.S .2009. Differences in the middle school classroom: Examining learning styles and learning environments of boys and girls from different socioeconomic backgrounds. Thesis. University of Texas at Dallas.

Magolda, M.B.B (1989). Gender differences in cognitive development: An analysis of cognitive complexity and learning styles. *Journal of College Student Development*, 30, 213-220.

Misnan Jemali. 1999. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Menengah Rendah di negeri Perak. Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Mohd Noor Badlilshah. 2007. Gaya pembelajaran : Satu kajian deskriptif terhadap pelajar Kolej Matrikulasi Perak. Prosiding Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga, hlm. 25-30

Mohd Safarin Nordin, Kalalularifin Subari dan Mohd Nazari Mohd. 2005. Gaya pembelajaran pelajar cemerlang: Kajian Kes di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Seminar Pendidikan*. JPPG.

Mok Soon Sang. 2001. *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.Nazamud–din Alias. 2005. Gaya Pembelajaran Guru Pelatih Kursus Pengajian Lepasan Ijazah Maktab Perguruan Batu Lintang. *Jurnal Pendidikan MPBL.* Jilid 6

Norihan Abu Hassan. 2001. Perkaitan antara pencapaian awal, kaedah pengajaran, gaya pembelajaran dan kesukaran subjek terhadap pencapaian matematik di kalangan pelajar Diploma Kejuruteraan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.

Norlia Abdul Aziz. 2001. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar Tingkatan 4. Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Raven, M.R.(1993). A comparison of learning styles, teaching styles, and personality styles of preservice Montana and Ohio agriculture teachers. *Journal of Agricultural Education*, 34,40-50

Reid, J.M. 1987. The learning styles preferences of ESL Students. *TESOL Quarterly* 21: 1-5.

Sadler-Smith, E. 1996. Approaches to studying: Age, gender and academic performance. *Educational Studies* 22 (3): 367 – 379.

Sarimah Abd.Razak, Ramlah Hamzah, Rosini Abu dan Zakaria Kasa. 2008. Gaya Pembelajaran Pelajar Sekolah Menengah Teknik. *Pertanika Jurnal Soc.Sci & Hum*. 16(2): 225-237

Selmes.I.P.1987. *Improving study skills: Changing perspective in education*. Great Britain: Hodder and Stoughton Ltd.

Susabda. E.1992. The relationship between matched/mismatched students learning styles to faculty teaching style and academic performance in Christian secondary school in Southern California Talbot school of Theology. Biola University. *Dissertation Abstracts International* 53 (11): 3854A

Trayer M. 1991.Learning styles differences: Gifted vs regular language students. *Foreign Language Annals* 24:419-425

Vafa, S. 2002. Learning style preferences among online university students. Dalam Crawford et al.(pnyt.). Proceedings of society from information technology and teacher education I n t e r n a t i o n a l Conference, hlmn 736-739

Watson. S.A. 1997. Learning style preferences: A comparison of traditional and nontraditional interior design students. Disertasi Education Doctor. University of Arkansas. *Dissertation Abstracts International* 59 (01): 2999A.

Witkin, H.A.(1976). Cognitive style in academic performance and in teacher-student relations. In S. Messick (Ed.), *Individuality in learning*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Zalizan Mohd. Jelas, Saemah Rahman, Roselan Baki & Jamil Ahmad. 2005. Prestasi Akademik Mengikut Gender. *Jurnal Pendidikan 31* : 93-111